

**Utusan Malaysia Julai 2017**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	01 Julai 2017	Pegawai kerajaan, dua kontraktor dituduh buat tuntutan palsu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	3
2.	04 Julai 2017	SPRM sedia siasat kes radar tentera hilang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3.	05 Julai 2017	Penolong jurutera direman kes rasuah RM700,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	05 Julai 2017	Mengaku terima RM200	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
5.	05 Julai 2017	Fahami fakta-fakta dalam isu 1MDB		10
6.	10 Julai 2017	Pegawai atasan kastam mungkin terlibat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
7.	10 Julai 2017	Peguam didakwa lagi, pecah amanah hampir RM5.5 juta		14
8.	12 Julai 2017	RM5.88 bilion dana diperuntukkan bagi PKS tahun ini	Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak	15
9.	17 Julai 2017	SPRM masih meneliti dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
10.	17 Julai 2017	SPRM dijangka ke pejabat FIC hari ini Ambil dokumen pembelian hotel empat bintang di London	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
11.	19 Julai 2017	SPRM ambil keterangan empat individu Pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	19 Julai 2017	700 unit PPR, PA Bandar Tun Razak dibaikpulih libatkan kos RM3 juta		21
13.	19 Julai 2017	FGV: Proses siasatan dalaman bermula 24 Julai	Pemangku Pengerusi, Tan Sri Sulaiman Mahbob	22
14.	20 Julai 2017	CEO Zakat P. Pinang didakwa	Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Azman Abdul Samat	23
15.	20 Julai 2017	Rasuah RM30,000, jurutera syarikat perunding direman	Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad	25
16.	25 Julai 2017	RM58 juta naik taraf bekalan air bersih	Ahli Parlimen Lipis, Datuk Abdul Rahman Mohamad	26
17.	27 Julai 2017	Warden Pusat Koreksional Perlis ditahan SPRM, terima suapan bawa masuk barang larangan untuk banduan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
18.	27 Julai 2017	Bekas Naib Presiden MIC, anak didakwa		29

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
19.	31 Julai 2017	TEKUN rugi RM209.28 juta - Laporan Audit	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1	31
20.	31 Julai 2017	Projek kerajaan perlu kajian terperinci sebelum diluluskan - Laporan Audit	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1	33
21.	31 Julai 2017	Kes JANS: SPRM buat laporan polis	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Bakri	35

**1. Pegawai kerajaan, dua kontraktor dituduh buat tuntutan palsu**

Tiga tertuduh (menutup kepala) diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dibawa keluar dari Mahkamah Khas Rasuah di Kuching, semalam.

KUCHING 30 Jun - Seorang pegawai agensi kerajaan negeri Sarawak dan dua kontraktor masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini hari ini atas tuduhan membuat tuntutan palsu antara tahun 2014 dan 2015.

Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar Sarawak, Nancy Mongin, 44, menghadapi enam pertuduhan bersubahat membuat dan mengemukakan tuntutan palsu manakala Reggy Petrus Naes, 46, dan Akiu Bandat, 58, masing-masing didakwa atas tiga pertuduhan membuat tuntutan palsu.

Mengikut pertuduhan, Nancy didakwa bersubahat dengan Reggy dalam mengemukakan tiga invois mengandungi maklumat-maklumat palsu kepada kementerian tersebut pada 3 September, 2 Oktober dan 10 Oktober 2014.

Wanita itu juga didakwa bersubahat dengan Akiu untuk membuat tuntutan palsu berhubung penyediaan 20 beg baja, 30 beg makanan akuakultur dan 35 beg makanan pembesaran ayam di pejabat kementerian tersebut di Bangunan Baitulmakmur di sini antara 11 November 2014 dan 7 Mei 2015.

Reggy pula didakwa mengemukakan tuntutan palsu kononnya mengendalikan tiga kursus iaitu Menyediakan Pakej Latihan Pertanian Adalah Perniagaan pada 27 hingga 30 September 2014, Kursus

Saintis Muda Pertanian bagi Tabika Kawasan Bengoh, Penrissen dan Padawan dan Pakej Latihan Asas Pastri bagi penduduk penempatan semula Bengoh, Kampung Giam dan Samadang yang tidak dijalankan.

Sementara Akiu pula didakwa membuat tuntutan palsu dengan mendakwa menyediakan 20 beg baja kepada Sekolah Menengah Kerajaan Penrissen berjumlah RM3,000; 30 beg makanan akuakultur bernilai RM2,550 dan 35 beg makanan pembesaran ayam bernali RM4,375 kepada sekolah sama yang sebenarnya tidak dibekalkan.

Nancy didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama manakala Reggy dan Akiu masing-masing menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 18 akta tersebut.

Ketiga-tiga tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Hakim Jason Juga membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin warga tempatan sementara menunggu sebutan semula kes pada 7 Ogos ini.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How manakala peguam, Teresa Udam mewakili Nancy dan Reggy manakala Jonathan Jalin mewakili Akui.

## 2. SPRM sedia siasat kes radar tentera hilang

KUALA LUMPUR 3 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersedia menyiasat sekiranya wujud elemen salah guna kuasa dan rasuah berhubung dakwaan kehilangan sebuah kontena dipercayai mengandungi peralatan radar tentera berteknologi tinggi dari Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor baru-baru ini.

Menurut kenyataan SPRM, pihaknya telah menerima laporan berhubung dakwaan tersebut dan susulan daripada itu, satu pasukan penyiasat dihantar ke pelabuhan terbabit bagi mendapatkan maklumat sebelum tindakan selanjutnya diambil.

"Pasukan penyiasat akan menilai maklumat-maklumat yang diperoleh untuk mengenal pasti sama ada wujudnya unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam kejadian tersebut.

"Kita juga akan mengambil keterangan daripada beberapa pegawai daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membantu siasatan berhubung dakwaan terbabit," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, SPRM juga akan bekerjasama dengan pihak polis dalam menjalankan siasatan berhubung dakwaan berkenaan.

"Walau bagaimanapun, siasatan SPRM hanya akan tertumpu kepada elemen rasuah dan salah guna kuasa dan tidak akan campur tangan dalam siasatan yang dijalankan pihak polis," jelasnya.

Baru-baru ini, sebuah akhbar berbahasa Inggeris melaporkan mengenai kehilangan sistem peralatan radar ketenteraan bernilai jutaan ringgit di pelabuhan tersebut.

Sistem peralatan radar terbabit dikatakan dalam perjalanan transit dari Australia ke Belanda dan ditahan JKDM sementara menunggu dokumen diperlukan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kastam, Datuk T. Subromaniam dalam satu kenyataan baru-baru ini menafikan kontena berisi radar itu hilang, sebaliknya mengesahkan ia sudah sampai ke Belanda melalui Pelabuhan Rotterdam.

Menurutnya, siasatan kini sedang dijalankan sebenarnya menjurus kepada pematuhan prosedur standard operasi (SOP) dalam ketika melepaskan dagangan yang memerlukan permit di bawah Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010.

05 Julai 2017

**3. Penolong jurutera direman kes rasuah RM700,000**

SUSPEK diiringi pegawai SPRM untuk perintah tahanan reman kes rasuah bernilai RM700,000 di Mahkamah Sesyen Segamat, Johor, semalam.

SEGAMAT 4 Julai - Seorang Penolong Jurutera Mekanikal di Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bakri, Muar yang disyaki terlibat dengan rasuah berjumlah hampir RM700,000 direman selama tujuh hari berkuat kuasa hari ini.

Tempoh reman sehingga Isnin depan itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah, Ahmad Shakib Ismail di Mahkamah Sesyen Segamat, di sini hari ini.

Lelaki berusia 42 tahun itu ditahan di kediamannya di Merlimau, Melaka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kira-kira 6.30 pagi semalam bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dalam tender kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan di maktab berkenaan.

Berdasarkan siasatan awal yang dijalankan, suspek disyaki meminta dan menerima wang suapan hampir RM700,000 daripada kontraktor sebagai upah mendapatkan kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan di maktab itu antara tahun 2014 dan tahun lalu.

Serbuan di kediaman suspek turut menemukan wang tunai berjumlah RM32,000 yang disimpan dalam tin biskut serta barang kemas.

Turut dirampas sebuah kereta jenis Toyota Prado yang dianggarkan bernilai RM30,000.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(b) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda lima kali nilai rasuah atau RM10,000 mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

**4. Mengaku terima RM200**

**Pegawai imigresen rayu jangan dibuang kerja**



AGNES JAMES DAIM diiringi pegawai SPRM setelah mengaku bersalah menerima RM200 bagi melindungi PATI di Mahkamah Khas Rasuah di Kuching, Sarawak, semalam.

KUCHING 4 Julai - Seorang pegawai penguat kuasa imigresen yang didakwa menerima suapan kerana melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI) pada tahun lalu, merayu agar tidak dibuang kerja selepas mengaku bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini hari ini.

Tertuduh, Agnes James Daim, 42, yang berbaju hitam berkata, dia berharap agar tidak dibuang kerja dengan pengakuan bersalah yang dibuatnya itu.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong bagaimanapun menyatakan, beliau tidak mempunyai kuasa dalam menentukan status pekerjaan tertuduh sebaliknya perkara itu terletak di bawah bidang kuasa jabatan kerajaan tempat tertuduh berkhidmat.

Nixon menjatuhkan hukuman penjara lapan hari termasuk tujuh hari semasa tahanan reman yang dikenakan sebelum ini dan denda RM4,000 jika gagal membayarnya akan dipenjara selama dua bulan.

Agnes merupakan salah seorang daripada enam pegawai penguat kuasa imigresen Sarawak yang didakwa di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan pada 10 April lalu kerana kesalahan menerima suapan pada tahun lalu.

Mengikut kertas pertuduhan, Agnes telah menerima wang RM200 menerusi transaksi secara atas talian tanpa pertimbangan daripada Fazal Illahi Juma Gul di Malayan Banking Bhd. (Maybank) Cawangan Kota Sentosa, Jalan Penrissen pada 24 Disember tahun lalu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Katherine Nais, manakala peguam Abdul Rahman Mohd. Hazmi mewakili Agnes.

## 5. Fahami fakta-fakta dalam isu 1MDB

Gesaan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man agar kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat isu 1MDB amat dangkal sekali. Beliau termasuk beberapa pimpinan Pakatan Harapan lain membangkitkan perkara yang sama kerana tidak memahami fakta dan perkembangan semasa berkaitan isu 1MDB.

Jika Tuan Ibrahim benar-benar mengikuti perkembangan isu 1MDB sejak mula, beliau akan mendapati bahawa kerajaan telah berjaya melaksanakan dua perkara utama dalam menangani isu 1MDB, iaitu pertama, menstabilkan kedudukan kewangan syarikat dan menurunkan hutang 1MDB secara drastik melalui Pelan Rasionalisasi 1MDB.

Kedua, kerajaan telah membuktikan melalui semakan dan siasatan Jabatan Audit Negara (JAN) dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang turut dianggotai Ahli Parlimen pembangkang, bahawa dakwaan wang 1MDB lesap, dicuri dan diselewengkan adalah tidak benar sama sekali.

Saya yakin Tuan Ibrahim tidak pernah membaca Laporan PAC setebal 106 muka surat apabila beliau mempersoalkan tentang status rahsia rasmi Laporan Audit berkaitan 1MDB. Jika pernah membacanya beliau akan menyedari walaupun Laporan Audit berkaitan 1MDB ini diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi oleh Ketua Audit Negara sendiri pada Januari 2016 (menurut kenyataan Ketua Audit Negara pada 26 Julai 2016), namun dapatan semakan dan kesimpulan oleh JAN ada dimasukkan ke dalam Laporan PAC sebagai rujukan.

Sekiranya rajin, beliau juga boleh membaca hansard prosiding PAC melibatkan pelbagai pihak termasuk Juruaudit Deloitte, KPMG, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB untuk melihat sendiri sama ada prosiding dilaksanakan secara telus atau tidak.

Kesimpulan yang dibuat Tuan Ibrahim bahawa kegagalan penguat kuasa dalam negara membuka ruang kepada pihak luar membuat siasatan adalah sama sekali tidak benar, sebaliknya ruang untuk pihak berkuasa asing ini dibuka oleh individu-individu yang membuat laporan dengan tujuan untuk memancing campur tangan pihak asing ini ke dalam konflik politik di dalam negara. Dan ini disokong sendiri oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dalam kenyataannya, Tuan Ibrahim mempertikaikan keputusan Peguam Negara, Tan Sri Appandi Ali kerana tidak membuat pendakwaan ke atas 1MDB selepas menerima laporan siasatan Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan soal pemindahan dana ke luar negara. Hakikatnya, Tuan Ibrahim tidak membaca justifikasi yang dinyatakan oleh Peguam Negara pada 13 Oktober 2015 bahawa pendakwaan

tidak dapat dibuat kerana BNM sendiri yang memberi kebenaran kepada 1MDB sebanyak tiga kali pada 29 September 2009, 6 September 2010 dan 20 Mei 2011 dan BNM sebagai pegawai pengawal tidak menghalang pemindahan terbabit.

Kedangkalan Tuan Ibrahim juga terserlah apabila mempersoalkan kenapa siasatan domestik lebih lambat daripada siasatan di luar negara. Apa yang tidak difahami oleh Tuan Ibrahim adalah siasatan pihak berkuasa tempatan adalah bagi mendapatkan bukti kesalahan melangkaui keraguan munasabah. Sekiranya terdapat bukti prima facie barulah pendakwaan prosiding jenayah dapat dibuat.

Sedangkan pihak berkuasa Amerika Syarikat seperti Jabatan Kehakiman (DoJ) AS tidak membuat pendakwaan jenayah menggunakan bukti prima facie, sebaliknya hanya memfailkan tuntutan sivil yang bersandarkan aduan awam dan "syak wasangka" berdasarkan "kemungkinan terdapat bukti yang lebih banyak" bahawa sesetengah harta yang ingin dirampas mempunyai kaitan dengan kegiatan jenayah. Sudah tentu siasatan bagi mencari bukti melangkaui keraguan munasabah akan mengambil masa yang lebih lama berbanding membuat saman sivil yang hanya berdasarkan syak wasangka dan andaian semata-mata.

Tuan Ibrahim sepatutnya sedar bahawa di AS, saman sivil pengambil alihan aset atau perlucutan sivil (civil forfeiture) dikecam oleh rakyat AS sendiri sebagai suatu undang-undang yang zalim kerana memberi kuasa kepada agensi penguat kuasa AS merampas wang dan harta orang awam tanpa perlu membuat pendakwaan ke atas pemilik harta dan tanpa perlu membuktikan seseorang itu bersalah "melangkaui keraguan munasabah."

Tidak wajar kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat isu 1MDB semata-mata kerana ada pihak berkuasa asing seperti DoJ memfailkan saman sivil. Lebih-lebih lagi jika baharu di peringkat fail dan belum dibicarakan di mahkamah.

Memetik kenyataan DoJ sendiri, "aduan melucut hak sivil hanyalah sekadar dakwaan yang menyebut terdapat wang atau harta yang terlibat atau merupakan hasil dari perlakuan jenayah. Dakwaan-dakwaan ini belum terbukti benar sehingga mahkamah membuat penghakiman yang memihak kepada Amerika Syarikat." Tidak ada sebarang sebab untuk menubuhkan RCI semata-mata kerana saman sivil yang belum membuktikan apa-apa lagi.

Apatah lagi jika bersandarkan dokumen saman sivil terbaru yang difailkan oleh DoJ ke atas Kumpulan Hotel Viceroy, dana yang didakwa diselewengkan secara perundangannya tidak dipunyai atau dikawal selia 1MDB, tetapi adalah dana yang dimiliki atau dikawal selia oleh pihak-pihak yang mempunyai perkaitan dan kepentingan dengan syarikat Aabar dan IPIC milik Abu Dhabi.

**6. Pegawai atasan kastam mungkin terlibat**

KUALA LUMPUR 9 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan terdapat penglibatan pegawai atasan kastam dalam kegiatan 'melepaskan' batang paip kepunyaan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) untuk dieksport ke luar negara tanpa sebarang pembayaran cukai.

Menurut sumber, siasatan lanjut kini sedang dijalankan bagi mengumpul bukti dan mengenal pasti kesemua individu terlibat.

Ujarnya, selain pegawai kastam yang korup, kegiatan terbabit turut dikesan terdapat penglibatan individu dari syarikat gas asli cecair (LNG) dan juga dua sindiket yang bergerak aktif di pelabuhan Bintulu, Sarawak.

"Hasil siasatan awal mendapati, pegawai kastam terlibat akan memainkan peranan sebagai penasihat kepada sindiket-sindiket terbabit untuk mengisyiharkan barang yang hendak dieksport sebagai barang lopus.

"Mereka kemudiannya dilihat sengaja melengah-lengahkan proses ikrar barang terbabit sebelum dikatakan meminta sejumlah wang kepada sindiket agar proses tersebut dapat dipercepatkan.

"Sebaik sahaja persetujuan untuk membayar wang dilakukan, kelulusan serta merta dikeluarkan oleh pegawai kastam terlibat," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, kegiatan 'melepaskan' batang paip kepunyaan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) untuk dieksport ke luar negara selepas diikrarkan sebagai barang lopus oleh pegawai kastam yang korup dipercayai bukan hanya berlaku di Bintulu tetapi turut melibatkan beberapa pelabuhan lain di negara ini.

Ini kerana mereka yang terlibat akan mendapat pulangan lumayan hasil daripada penjualan batang paip untuk kegunaan gas asli cecair itu selepas berjaya mengelak daripada membayar cukai.

Nilai cukai bagi satu unit batang paip yang dieksport ialah RM11,000.

Kelmarin, seorang pegawai kastam di Bintulu berpangkat penolong penguasa dipercayai direman SPRM selepas dikatakan meminta wang suapan berjumlah AS\$10,000 (RM43,000) untuk memudahkan barang dieksport secara haram ke Dubai.

Kesemua batang paip itu diikrarkan sebagai barang yang telah dilupuskan bagi mengelak dikenakan cukai sedangkan sebenarnya tidak dilupuskan dan dipercayai akan dihantar ke Dubai menggunakan 90 kontena.

10 Julai 2017

## 7. Peguam didakwa lagi, pecah amanah hampir RM5.5 juta



J. Shanti, 48. -

PETALING JAYA 10 Julai - Seorang peguam yang dikenali sebagai Shanti sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan pecah amanah membabitkan hampir RM5.5 juta, dua tahun lalu.

J. Shanti, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa kepadanya di hadapan Hakim Azwarnida Affandi.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa melakukan pecah amanah terhadap wang anak guamnya, Yap Keow Eng, 58, yang berjumlah RM5,428,571.40.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Firma Shanti Jeyapalan, Zeti Zulfah & Partners, E-5-05, Blok E, Oasis Square, Jalan PJU 1A/7A, Ara Damansara, pada 29 April 2015.

Pendakwaan dikendalikan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat serta denda, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 Ogos depan untuk sebutan semula kes

**8. RM5.88 bilion diperuntukkan bagi PKS tahun ini**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan 1/2017 di Pejabat SME Corp, hari ini.

KUALA LUMPUR 12 Julai - Sebanyak RM5.88 bilion diperuntukkan tahun ini bagi melaksanakan 167 program pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, program pembangunan PKS itu dilaksanakan oleh 16 kementerian dan lebih 60 agensi berkaitan.

Malah, kata Perdana Menteri, inisiatif itu sejajar dengan usaha meningkatkan sumbangan PKS kepada negara dan selaras dengan pengisytiharan 2017 sebagai tahun 'Mempromosikan Pembangunan PKS dan Permulaan Perniagaan'.

"Saya juga difahamkan hasil utama kaji selidik PKS bagi suku pertama tahun ini menunjukkan prestasi perniagaan PKS semakin bertambah baik.

"Saya yakin matlamat jangka panjang dan hala tuju di bawah Pelan Induk PKS untuk mempergiatkan pertumbuhan PKS ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 dapat direalisasikan," kata Perdana Menteri ketika berucap sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-22, di pejabat SME Corp, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa

Perdana Menteri berkata, bagi tempoh 2007 sehingga tahun lalu, PKS telah mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 5.4 peratus, lebih tinggi daripada pertumbuhan tahunan purata ekonomi keseluruhan pada kadar 4.2 peratus.

17 Julai 2017

#### **9. SPRM masih meneliti dokumen**

KUALA LUMPUR 17 Julai - Proses meneliti dokumen berkaitan pembelian sebuah hotel empat bintang di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation masih lagi berjalan oleh para pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) di Jalan Semarak, di sini hari ini.

Sehingga pukul 1 tengahari ini tiada sebarang kenyataan dikeluarkan selepas lapan pegawai SPRM memasuki memasuki tingkat dua pejabat FIC kira-kira pukul 10.20 pagi tadi.

Dijangkakan proses semakan dokumen tersebut akan terus berjalan hingga petang ini sebelum beberapa dokumen penting diambil bagi tujuan siasatan lanjut.

Buat setakat ini petugas media masih lagi menunggu di lobi Balai Felda yang menempatkan pejabat FIC sambil menantikan selesainya penyiasatan dokumen tersebut

17 Julai 2017

#### **10. SPRM dijangka ke pejabat FIC hari ini**

##### **Ambil dokumen pembelian hotel empat bintang di London**

KUALA LUMPUR 16 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka menghantar pasukan penyiasatnya ke pejabat Felda Investment Corporation (FIC) di Jalan Semarak, di sini esok bagi mengambil beberapa dokumen yang boleh membantu siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang di Kensington, London.

Menurut sumber, pasukan penyiasat tersebut dijangka tiba di pejabat FIC kira-kira pukul 10 pagi.

"SPRM kini dalam proses mengumpul seberapa banyak maklumat yang boleh membantu siasatan.

"Dokumen yang diambil juga adalah bagi mengenal pasti saksi atau mana-mana individu yang boleh dipanggil SPRM untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ujar sumber, sebaik sahaja proses mengambil dokumen tersebut dijalankan, mereka yang didapati mempunyai kaitan dalam kes tersebut akan diambil keterangan dalam masa terdekat.

Tambahnya, SPRM juga masih belum memanggil mana-mana individu berhubung siasatan kes tersebut.

Pada 10 Julai lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad mendedahkan pihaknya telah mengarahkan pasukan penyiasat membuka kertas siasatan terhadap Felda selepas pihaknya menerima maklumat baharu berhubung kes tersebut.

Beliau turut memaklumkan siasatan pihaknya membabitkan kemelut Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) masih diteruskan.

Susulan pendedahan itu, SPRM dalam satu kenyataan kelmarin menyatakan beberapa individu akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang bernilai RM330 juta di Kensington oleh FIC pada 2014.

Kenyataan itu menjelaskan, individu-individu berkenaan merupakan saksi penting bagi membantu siasatan mengenai proses pembelian hotel tersebut antara 2013 hingga 2015.

19 Julai 2017

**11. SPRM ambil keterangan empat individu****Pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington****Nik Azman Mohamed Zain**

PUTRAJAYA 18 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil keterangan empat individu berhubung pembelian hotel bernilai RM330 juta di Kensington oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Empat individu berkenaan ialah Pengarah FIC, Datuk Nik Azman Mohamed Zain; Ketua Bahagian Undang-undang dan Setiausaha FIC, Siti Salwani Mohd. Salleh; Pembantu Pengurus Bahagian Perancangan Strategik, Khairul Azhar Radzi dan Pengurus Pejabat Ketua Pengarah Eksekutif, Mohd. Farez Helmi.

Nik Azman dan Siti Salwani tiba di pekarangan Ibu pejabat SPRM, di sini pada pukul 10 pagi secara berasingan bagaimanapun Nik Azman dilihat keluar dari pejabat SPRM pada pukul 3.30 petang manakala Siti Salwani pula keluar pada pukul 6 petang.

Difahamkan, beberapa lagi pegawai kanan FIC akan dipanggil SPRM untuk diambil keterangan esok.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan memberitahu, pihaknya masih menyiasat kes tersebut.

Dalam pada itu, Nik Azman ketika ditemui selepas sesi soal siasat itu berkata, beliau telah menjawab kesemua soalan yang diaju kepadanya.

"Soal siasat hari ini berjalan lancar dan saya telah jawab semua soalan berkenaan dengan jelas," katanya kepada pemberita di lobi bangunan SPRM di sini hari ini.

Pada 10 Julai lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad mendedahkan, pi- haknya telah mengarahkan pa- sukan penyiasat membuka kertas siasatan terhadap Felda selepas pihaknya menerima maklumat baharu berhubung kes tersebut.

Susulan pendedahan itu, SPRM dalam satu kenyataan menyatakan beberapa individu akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang bernilai RM330 juta di Kensington oleh FIC pada 2014.

Kenyataan itu menjelaskan, individu-individu berkaitan merupakan saksi penting bagi membantu siasatan mengenai proses pembelian hotel tersebut antara 2013 hingga 2015.

Hasil siasatan awal mendapati FIC dipercayai membeli hotel itu dengan harga jauh lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga mengakibatkan syarikat berkaitan mengalami kerugian jutaan ringgit.

**12,700 unit PPR, PA Bandar Tun Razak dibaikpulih libatkan kos RM3 juta**

KUALA LUMPUR 18 Julai - Sejumlah 700 unit projek perumahan rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Parlimen Bandar Tun Razak terpilih bagi kerja-kerja baikpulih dalam unit.



Rizalman Mokhtar

Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar berkata, kerja-kerja berkenaan melibatkan peruntukan berjumlah hampir RM3 juta.

Menurutnya, ia merupakan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM100 juta yang diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bagi projek memperindah dan mencantikkan kawasan perumahan PA dan PPR.

"Projek ini melibatkan seluruh Kuala Lumpur namun ada parlimen-parlimen yang diberi tumpuan khas bagi perlaksanaan ini.

"Kos pembaikan setiap unit adalah antara RM2,000 hingga RM4,000. Bergantung kepada jenis kerosakan," katanya ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di sini.

Dalam majlis tersebut, lebih 7,000 masyarakat parlimen itu hadir memeriahkan majlis rumah terbuka tersebut.

Dalam pada itu, Rizalman berkata, beliau tidak menolak sambutan yang diberikan berdasarkan inisiatif yang telah banyak dilaksanakan kerajaan di parlimen itu.

Ujarnya, banyak usaha yang sedang dan akan dilaksana demi kesejahteraan masyarakat Bandar Tun Razak terutamanya melibatkan penduduk PPR dan PA DBKL.

"Proses mengelat bangunan juga sedang berjalan. Kita juga berjaya menyediakan projek parkir bertingkat di tujuh kawasan PPR yang kini giat dilaksanakan," katanya.

### 13. FGV: Proses siasatan dalaman bermula 24 Julai

KUALA LUMPUR 18 Julai - Proses siasatan dalaman berhubung transaksi hutang membabitkan Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) dengan Safitex Trading LLC akan bermula 24 Julai ini dan dijangka dimuktamadkan pada 14 Ogos ini.

Pemangku Pengurusnya, Tan Sri Sulaiman Mahbob berkata, satu panel bebas akan ditubuhkan yang dianggotai oleh beberapa individu dalam syarikat itu untuk menyiasat segala perkara berkaitan transaksi tersebut.

Menurutnya, empat individu yang akan disiasat termasuk Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Zakaria Arshad akan diberi peluang dan masa yang secukupnya untuk membela diri masing-masing sepanjang proses siasatan berlangsung.

"Kita meletakkan sasaran supaya hasil siasatan ini dapat dimuktamadkan pada 14 Ogos ini.

"Proses siasatan akan dilakukan secara adil dan memastikan mereka yang disiasat diberi peluang untuk mempertahankan diri masing-masing

"Siasatan ini bukan satu konspirasi bagi menjatuhkan sesiapa seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Siasatan akan dilakukan berdasarkan fakta yang ada. Kita bukan hendak menjatuhkan sesiapa," katanya pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran FGV di sini semalam.

Pada awal Jun lalu, Zakaria serta Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ahmad Tifli Mohd. Talha diarahkan bercuti bagi membolehkan siasatan dilakukan berhubung tunggakan hutang yang diberikan kepada syarikat Safitex yang didakwa melanggar peraturan FGV.

Sulaiman berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menasihati FGV supaya proses siasatan dilakukan secara adil dan pada sama muh tadbir urus syarikat berkenaan terus berada pada tahap tertinggi.

"Jika didapati tidak bersalah, kesemua mereka yang disiasat boleh kembali bertugas seperti biasa," katanya.

Tambah Sulaiman, selain proses siasatan itu, fokus utama FGV kini adalah untuk menambah baik tadbir urus syarikat bagi menjaga kepentingan para pemegang saham serta menambahkan bilangan tenaga kerja di bahagian perladangan.

20 Julai 2017

**14. CEO Zakat P. Pinang didakwa**

Azman Abdul Samat (gambar kiri, tengah) dan Mohd. Wardi Ramli (gambar kanan, berkaca mata) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, Butterworth, Pulau Pinang, semalam.

BUTTERWORTH 19 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Azman Abdul Samat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan menerima rasuah berupa tiga utas jam tangan daripada tiga kontraktor antara tahun 2010 dan 2015.

Di mahkamah sama, Ketua Bahagian Pengurusan Pembangunan Kualiti Asnaf dan Ekonomi ZPP, Mohd. Wardi Ramli turut mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan salah guna kuasa dengan mengesyorkan syarikat pembekal yang dia memiliki kepentingan.

Azman, 50, yang juga Pengurus Besar ZPP didakwa atas pertuduhan pertama iaitu menerima seutas jam tangan jenis Bonia Tesoro bernilai RM700 daripada pemilik syarikat MNI Venture, Ros Suryati Alang yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di rumahnya di Permatang Rambai, Permatang Pauh pada 2010.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia didakwa menerima dua utas jam tangan masing-masing jenis Tissot Touch bernilai RM2,000 daripada pemilik syarikat AI Global Trading, Ashri Ismail dan jenis Roscani Paris bernilai RM750 daripada pemilik syarikat Safa Murni Enterprise, Zaiyusri Ibrahim di pejabat ZPP di Bandar Perda, Bukit Mertajam antara tahun 2011 dan 2015.

Ketiga-tiga pertuduhan dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Hakim Sitarun Nisa Abdul Aziz membenarkan Azman yang diwakili peguam Mohamed Reza Rahim dibebaskan dengan jaminan RM6,000 berserta seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan sementara menunggu pengurusan kes pada 21 Ogos ini untuk serahan dokumen.

Mohd. Wardi pula didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan apabila mengesyorkan syarikat AI Global Trading untuk membekalkan barang seperti kain cadar dan selimut bernilai RM10,240 dengan mengemukakan sebut harga kepada individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di pejabat ZPP, Bandar Perda, Bukit Mertajam pada 26 Oktober 2015.

Bagi dua pertuduhan berikutnya, Mohd. Wardi, 35, didakwa mengesyorkan syarikat yang sama untuk membekalkan anak ayam dan dedak bernilai RM10,842, masing-masing pada 11 dan 14 November 2016 di tempat yang sama.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 serta boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Sitarun Nisa memerintahkan Mohd. Wardi yang diwakili peguam Hadi Mulyana Citrawijaya Suyadi dibebaskan dengan jaminan RM10,000 berserta seorang penjamin sementara menunggu serahan dokumen pada 14 Ogos ini.

20 Julai 2017 Rasuah

**15. Rasuah RM30,000, jurutera syarikat perunding direman**

ALOR SETAR 19 Julai - Seorang jurutera syarikat perunding di Langkawi ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai meminta dan menerima rasuah berjumlah RM30,000 daripada seorang subkontraktor berhubung kerja-kerja yang dilakukan membabitkan Tenaga Nasional Bhd. (TNB), April lalu.

Menurut Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad, rasuah berkenaan dipercayai sebagai dorongan untuk mendapatkan kelulusan kemajuan kerja bulanan yang dibuat oleh pengadu berusia 40-an bagi mendapatkan tuntutan daripada pihak TNB.

Lelaki berkenaan yang ditahan di pejabat SPRM Cawangan Langkawi kira-kira pukul 5.30 petang semalam disyaki melakukan kegiatan itu pada April lalu, membabitkan satu projek membina sebuah pusat latihan dan rumah rehat agensi berkenaan di Pantai Tengah, Langkawi.

"Siasatan awal mendapati suspek meminta dan menerima wang berkenaan agar kerja dilakukan pengadu diluluskan, sekali gus membolehkan dia menerima bayaran daripada TNB," katanya di sini hari ini.

Suspek berusia 36 tahun itu kemudian direman tiga hari mulai hari ini setelah dibawa ke Mahkamah Majistret Langkawi oleh SPRM kira-kira pukul 1 petang.

Perintah reman tersebut dikeluarkan oleh Majistret Nurshahida Abdul Rahim mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

25 Julai 2017

**16. RM58 juta naik taraf bekalan air bersih**

ABDUL RAHMAN MOHAMAD (tengah) menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO Bahagian Lipis di Bandar Lama Lipis, Pahang, baru-baru ini.

LIPIS 24 Julai - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM58 juta untuk menaik taraf bekalan air bersih di seluruh Lipis membabitkan projek pembinaan loji baharu dan menggantikan paip lama pada tahun ini.

Ahli Parlimen Lipis, Datuk Abdul Rahman Mohamad berkata, peruntukan yang diluluskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini antara langkah kontingenzi penyelesaian jangka pendek bagi menangani masalah loji, paip lama termasuk kebocoran yang kerap mengganggu bekalan air ke kediaman dan premis kedai.

Beliau berkata, peruntukan kepada Pejabat Parlimen itu memberi manfaat kepada seramai 30,000 penduduk di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Padang Tengku, Cheka dan Benta.

"Projek baharu iaitu membina Loji Jelai di Desa Jeram Batu bernilai RM18 juta, membaik pulih Loji Kechau 6 (RM10 juta), menaik taraf loji dan menggantikan paip lama di Merapoh (RM8 juta) akan mula ditender tidak lama lagi.

"Manakala, peruntukan selebihnya telah digunakan untuk kerja membaik pulih kebocoran dan menggantikan paip lama di tiga kawasan berkenaan yang sudah pun selesai dijalankan secara berperingkat," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada bakal haji sempena Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO Bahagian Lipis, di Bandar Lama Lipis baru-baru ini.

Yang hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku Datuk Mustapa Long; ADUN Benta, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abdul Razak, pemimpin sayap UMNO Parlimen Lipis dan ketua jabatan di sini.

27 Julai 2017

**17. Warden Pusat Koreksional Perlis ditahan SPRM, terima suapan bawa masuk barang larangan untuk banduan**

KANGAR 27 Julai - Seorang warden Pusat Koreksional negeri di Guar Nangka di Arau dekat sini, ditahan semalam, kerana disyaki menerima suapan berbentuk wang tunai untuk membawa masuk barang larangan kepada beberapa banduan di pusat tersebut.

Lelaki berusia 33 tahun itu ditahan semasa hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri di sini, kira-kira pukul 7 petang.

Berdasarkan siasatan awal, lelaki itu disyaki menerima wang yang dimasukkan terus ke dalam akaun peribadinya, yang kesemuanya berjumlah RM3,300.

Kesemua wang yang berjumlah antara RM200 hingga RM1,500 itu dimasukkan melalui beberapa transaksi sepanjang Mac lalu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pengarah SPRM negeri, Yaacop Angah ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu tetapi enggan mengulas lanjut

27 Julai 2017

**18. Bekas Naib Presiden MIC, anak didakwa**

2

**S. BALAKRISHNAN**

KUALA LUMPUR 26 Julai - Bekas Naib Presiden MIC, Tan Sri S. Balakrishnan dan anak lelakinya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan bersubahat melakukan perbuatan itu berjumlah hampir RM13 juta.

Tuntutan itu berhubung Projek Pengindahan dan Pembalakan Sungai Melaka, lima tahun lalu.

Balakrishnan, 63, dan B. Ashok Kumar, 31, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Allaudeen Ismail dan Hakim Azura Alwi.

Balakrishnan didakwa mengemukakan Tuntutan Bayaran Interim bagi kerja pembekalan dan penghantaran kontena penyahairan (dewatering container) berjumlah RM12.89 juta yang memperakukkan pembekalan sebanyak 358 unit.

Tuntutan bayaran interim tersebut mengandungi butiran palsu walhal hanya 89 unit kontena dibekalkan.

Dokumen tuntutan bayaran itu dikemukakan melalui juru ukur bahan syarikat Sinnayah & Sons Sdn. Bhd. kepada Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dengan niat untuk memperdayakan jabatan tersebut.

Tertuduh yang merupakan pengarah syarikat berkenaan didakwa melakukan perbuatan tersebut di Pejabat Bahagian Projek Khas, Ibu Pejabat JPS, Jalan Sultan Salahuddin di sini antara 27 April 2012 dan 23 Oktober 2013.

Sementara itu, anaknya, Ashok Kumar yang merupakan pengurus projek di syarikat pembinaan itu pula didakwa bersubahat melakukan perbuatan tersebut di tempat dan tarikh sama.

Balakrishnan yang memegang jawatan Naib Presiden MIC pada 2013 hingga 2015 didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Ashok Kumar juga didakwa mengikut seksyen sama dan dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama dan bagi setiap seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai butir palsu atau RM10,000 atau mengikut mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, S. Thangavelu manakala Balakrishnan diwakili peguam John Dass sementara peguam Ashok Athimulan pula bertindak bagi pihak anaknya.

Mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM500,000 setiap seorang dengan dua penjamin berserta syarat tambahan, perlu menyerahkan pasport antarabangsa masing-masing dan menetapkan 28 Ogos ini, sebutan semula kes

**19. TEKUN rugi RM209.28 juta - Laporan Audit**

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Datuk Hasan Arifin ( tengah ) menerima buku laporan daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Madinah Mohamad selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 di Bangunan Parlimen, di sini hari ini. . Turut hadir, Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme Hamzah (kanan).

KUALA LUMPUR 31 Julai - Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional mengalami kerugian terkumpul pada akhir 2015 berjumlah RM209.28 juta disebabkan antara lain faktor tadbir urus korporat yang kurang memuaskan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, Audit juga mendapati tiada kajian menyeluruh dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan dana oleh usahawan.

Laporan itu turut menyatakan antara kerugian melibatkan kegagalan pelaksanaan Portal Keusahawanan TEKUN, Kad Komuniti Usahawan TEKUN dan Cyber Mall yang kesemuanya berjumlah RM872,035.

"Bagi Program Mentor Mentee pula, jawatankuasa program bersama tidak diwujudkan dan laporan bulanan program tidak dikemukakan oleh tiga syarikat mentor tersebut," katanya.

Dari 1998 hingga Jun 2016, TEKUN menerima pembiayaan sebanyak RM1.86 bilion daripada Kementerian Kewangan dan geran RM670 juta daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang diberikan bagi tujuan Paket Rangsangan Ekonomi, bantuan kepada mangsa banjir dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India.

Dalam pada itu, pengauditan yang dijalankan pada Mei hingga Oktober 2016 dan Februari 2017 mendapati secara keseluruhannya TEKUN telah meningkatkan pembiayaan kepada usahawan daripada RM2.69 bilion kepada RM4.29 bilion melibatkan 473,982 usahawan dalam tempoh 18 tahun.

Sementara itu, bagi meningkatkan prestasi pengurusan syarikat, Jabatan Audit Negara mengesyorkan TEKUN mengambil beberapa tindakan termasuk melaksanakan kajian menyeluruh untuk menilai keberkesanan pembiayaan kepada usahawan dan sebab kegagalan perniagaan.

Selain itu, TEKUN perlu memastikan amalan tadbir urus syarikat dari masa ke semasa terutamanya dari segi kawalan dalaman bayaran dan penerimaan termasuk bayaran kepada individu yang tidak layak.

**20. Projek kerajaan perlu kajian terperinci sebelum diluluskan - Laporan Audit**

Kakitangan Jabatan Audit Negara menunjukkan Buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 di Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 31 Julai - Kajian terperinci perlu dijalankan terhadap sesuatu projek kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan bagi memastikan semua projek berjalan mengikut jadual dan membolehkan kerajaan mendapat nilai faedah terbaik.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, jabatan dan agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1.

"Perancangan bersepada antara jabatan dan agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar, contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, pejabat tanah serta kerajaan negeri.

"Ia bagi memastikan semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas," menurut laporan setebal 471 muka surat itu.

Cadangan berkenaan adalah antara yang digariskan Jabatan Audit Negara di bahagian penutup mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2016 supaya kelemahan-kelemahan yang dilaporkan tidak berulang.

Laporan itu turut menyebut, ketua setiausaha kementerian/ketua jabatan perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program, aktiviti dan projek lain turut mempunyai kelemahan sama, seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Laporan Ketua Audit 2016 mendapati pada umumnya, kementerian, jabatan dan syarikat kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek meskipun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan. -

31 Julai 2017

**21. Kes JANS: SPRM buat laporan polis**

KUALA LUMPUR 30 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius berhubung penyebaran kenyataan yang mendakwa badan itu mengesahkan tiada unsur rasuah dalam kes Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) di media sosial.

**Azam Baki**

Malah, kenyataan yang tular dalam media sosial itu bukan sekadar mengelirukan bahkan ia mengganggu prosiding pendakwaan mahkamah yang masih berjalan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, sehubungan itu, pihaknya menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang tidak bertanggungjawab menyebarkan kenyataan tersebut.

"Dakwaan seperti ini bukan saja mengelirukan orang ramai dan mencalarkan imej SPRM malah boleh menjasaskan proses pendakwaan kes berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Azam turut mengesahkan pihaknya telah membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya kira-kira pukul 10 pagi hari ini berhubung kes tersebut.

Semalam, satu akaun Facebook yang menggunakan nama Cikgu Aming memuat naik laporan portal bertajuk 'SPRM sahkan skandal Jabatan Air Negeri Sabah tiada unsur rasuah'.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan fakta, tiga individu termasuk bekas Pengarah JANS dan isterinya telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah pada 26 Disember tahun lalu atas kesalahan pengubahan wang haram dan sebutan kes tersebut telah ditetapkan pada 8 Ogos ini.